

PERATURAN PERTANDINGAN SUKAN KAYAK & PERAHU PANJANG

1. UNDANG-UNDANG

Pertandingan ini dijalankan mengikut Perse International Canoe Federation, International Dragon Boat Federation (IDBF) dan diubahsuai oleh Persatuan Kanu Malaysia dan Peraturan-Peraturan Am, **KARNIVAL SUKAN STAFF UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS 2017**.

2. ACARA YANG DIPERTANDINGKAN

Secara keseluruhannya sebanyak 8 acara yang menawarkan (8 pingat emas, perak dan gangsa) akan dipertandingkan. Senarai acara adalah seperti dibawah:

BIL	ACARA		LELAKI	WANITA	CAMPURAN
1	Kayak TK 1 200m	Perseorangan	✓	✓	
2	Kayak TK 2 200m	Beregu	✓	✓	✓
3	Perahu Panjang (10) 200 m	Berpasukan	✓	✓	✓

3. LOKASI PERTANDINGAN

Tasik UPSI, Kampus Sultan Azlan Shah

4. PERATURAN AM

Bagi **KARNIVAL SUKAN STAF UPSI 2017** syarat penyertaan seperti berikut :

- 4.1. Peralatan pertandingan seperti kayak, pendayung dan jaket keselamatan akan disediakan oleh pihak penganjur.
- 4.2. Kecuali kayak, setiap peserta dibenarkan untuk menggunakan peralatan sendiri.
- 4.3. Setiap pasukan hanya boleh menghantar **1 penyertaansahaja** untuk setiap acara.
- 4.4. Setiap acara akan dijalankan sekiranya terdapat lebih dari **4 penyertaan**
- 4.5. Peserta mesti berada ditempat permulaan 20 minit sebelum permulaan acara.
- 4.6. Bagi acara **lumba perahu**, jumlah pedayung ialah 10 orang, 1 jurumudi & 1 juru gendang, 2 simpanan (14 orang sepasukan)
- 4.7. Jumlah minima dan maksima di dalam sesebuah perahu sewaktu bertanding ialah **12 orang** sahaja.
- 4.8. Peserta yang pernah mewakili negeri atau negara **dibenarkan** menyertai **sebarang acara** mewakili pasukan masing- masing.
- 4.9. Bagi peserta dari Palapes dan Suksis hanya **dibenarkan** menyertai acara berpasukan sahaja iaitu Perahu Naga dan juga 2.
- 4.10. Bagi acara **lumba perahu campuran**, komposisi pedayung ialah **6 lelaki & 6 wanita**.
- 4.11. Pihak penganjur berhak mengubah atau mengganti syarat pertandingan bagi memastikan kelancaran kejohanan ini.

- 4.12. Setiap peserta mestilah sihat dan tidak menghidap sebarang penyakit. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terjadi sebarang malapetaka sebelum, semasa atau selepas pertandingan berlangsung.
- 4.13. Segala peraturan dari ICF dan IDBF akan digunapakai sekiranya berlaku pertikaian. Semua keputusan pengadil adalah muktamad.

5. PERTUKARAN PEMAIN

- 5.1. Pemain gantian mestilah terdiri daripada pemain-pemain yang didaftarkan di dalam borang pendaftaran.

6. PENDAFTARAN PEMAIN

- 6.1. Setiap pemain hanya boleh bermain 1 acara kayak dan 1 acara lumba perahu sahaja.

7. SISTEM PERTANDINGAN

- 7.1 Saringan dan Final

8. CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KUMPULAN

- 8.1 Peserta yang mencatatkan masa terpendek dan melintasi garisan penamat akan dianggap sebagai pemenang.

9. TINDAKAN TATATERTIB

- 9.1 Peserta yang melanggar peraturan dengan sengaja akan dibatalkan keputusan dan penyertaannya.

10. KELEWATAN

- 10.1. Rujuk Peraturan Am Perkara 13.0

11. MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

- 11.1. Rujuk Peraturan Am Perkara 14.0

12. BANTAHAN DAN RAYUAN

- 12.1 Rujuk Peraturan Am Perkara 15.0

13. PERKARA TIDAK DINYATAKAN

- 13.1 Rujuk Peraturan Am Perkara 20.0